

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Syor perkukuh dasar TVET

Syor perkukuh dasar TVET

Kuala Lumpur: Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) mahu kerajaan mengukuhkan dasar dan undang-undang berkaitan dalam usaha memantapkan ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini.

Langkah itu, katanya, akan memastikan komitmen industri untuk terbabit secara aktif dalam pembangunan modal insan yang akhirnya akan menyumbang kembali kepada produktiviti industri.

“Di negara maju seperti Jerman, pendidikan berkaitan TVET sangat berkait rapat dengan keberkesanannya dasar dan sokongan kerangka undang-undang. Sebagai badan profesional yang ditubuhkan untuk mengiktiraf juruteknik dan teknologis profesional, MBOT sentiasa menyokong inisiatif ke arah pembangunan profesionalisme bakat di negara ini.

“Kami menyambut baik usaha kerajaan untuk memantapkan

ekosistem TVET di Malaysia susulan Mesyuarat Majlis TVET Negara (MTVET) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam (kelmarin).

“MBOT percaya usaha ini adalah langkah strategik yang perlu diambil bagi memastikan pembangunan modal insan TVET negara, khususnya berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja,” kata MBOT dalam satu kenyataan, semalam.

Rabu lalu, Perdana Menteri mengumumkan MTVET bersetuju menubuhkan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC) bagi memberi tumpuan kepada usaha pembangunan modal insan, khususnya berkaitan keperluan tenaga kerja mahir dan menjadikan institusi TVET pilihan utama belia.

Badan itu dianggotai 12 persatuan membabitkan sektor industri yang berganding bahu dengan

kementerian berkaitan menjayakan agenda TVET negara.

MBOT juga menyarankan tadbir urus dalam ekosistem TVET perlu ditambah baik dari semasa ke semasa, malah isu ketidakselarasan tadbir urus dalam ekosistem berkenaan dinyatakan secara terperinci sejak dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) lagi.

“MBOT berharap penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC) dapat mengukuhkan hubungan penggiat industri berkaitan TVET khususnya syarikat, penyedia latihan kemahiran serta agensi berkaitan.

“GITC juga akan dapat memastikan inisiatif TVET yang dilaksana menghasilkan impak yang lebih besar. Ini kerana inisiatif TVET yang berada di pelbagai kementerian menyukarkan aspek pemantauan, penilaian dan penambahbaikan dijalankan dengan berkesan,” katanya.